

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 24 OKT 2017

RUJUKAN : 10266

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap promosi dan pesta komersial yang melibatkan alkohol selepas Ketua Polis Negara menghalang Pesta Bir dan Pesta makanan dan minuman Jerman diadakan di Klang. Apakah Kerajaan dan pihak polis akan mencabuli hak orang bukan Islam dengan menghalang segala program peribadi dan pesta komersial yang melibatkan alkohol diadakan.

131

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembatalan perayaan Pesta Bir di Kuala Lumpur baru-baru ini disebabkan terdapatnya rancangan untuk mensabotaj festival berkenaan. Umum juga sedia maklum bahawa penganjuran festival seumpama itu pada tahun-tahun sebelumnya tidak pernah disekat kerana tiada ancaman seperti dilaporkan sekali gus menafikan dakwaan bantahan ke atas penganjuran perayaan Pesta Bir bersangkutan dengan sensitiviti keagamaan, perkauman atau desakan politik.

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM tidak akan menggadaikan keselamatan rakyat dan harta benda awam hanya kerana wujud tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan. Semua maklumat keselamatan yang diperoleh juga tidak boleh didedahkan supaya kerahsiaan maklumat keselamatan sentiasa terpelihara. Justeru keputusan ini tidak harus dipertikai atau dipolitikkan oleh mana-mana pihak yang kononnya untuk membela sesuatu kaum atau agama.